



**PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)
DALAM PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN)**

**HEBAHAN KEPADA INDUSTRI:
URUSAN PELESENAN IMPORT - EKSPORT PRODUK KAYU**

Hebahan ini merupakan pengumuman operasi pelesenan import dan eksport MTIB untuk digunakan oleh industri kayu kayan dalam tempoh PKP dan PPN mulai 20 Julai 2021.

OPERASI KILANG

1. Industri kayu yang berada di Negeri dan Kawasan yang diisytiharkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) tidak dibenar menjalankan sebarang operasi. Begitu juga dengan industri kayu di Negeri / Kawasan PPN Fasa 1.
2. Sektor pembuatan termasuk aktiviti industri berasaskan kayu di Negeri dan Kawasan yang berada di PPN Fasa 2 dibenarkan untuk beroperasi, setelah mendapat kelulusan dari MITI menerusi CIMS 3.0.
3. Operasi kilang adalah tertakluk kepada pematuhan SOP yang dikeluarkan oleh MKN/MITI/MOT.

PEMUNGGAHAN

4. Aktiviti pemungghahan barangan di kilang dan gudang di bawah PPN Fasa 1 dan Fasa 2 (yang tidak mendapat kelulusan beroperasi dari MITI), hanya melibatkan penghantaran dan penerimaan **barangan kayu siap sahaja**, tertakluk kepada syarat berikut:
 - a) Mematuhi SOP Kementerian Pengangkutan (MOT);
 - b) Waktu operasi pemungghahan dari jam 8:00 pagi sehingga 8:00 malam pada hari Isnin, Rabu, dan Jumaat sahaja; dan
 - c) Kebenaran hanya untuk lima (5) orang pekerja sahaja.

PERMIT EKSPORT

5. Mulai 20 Julai 2021, sila kemukakan permohonan permit eksport MTIB sekiranya:
 - a) Syarikat mendapat kebenaran beroperasi dari MITI; atau
 - b) Barangan telah siap dan konsignasi telah sedia sepenuhnya untuk dieksport;
6. Semua konsignasi wajib memohon pemeriksaan fizikal dan digalakkan mengemukakan maklumat nombor kontena. Lokasi pemeriksaan fizikal adalah di pelabuhan, gudang komersil atau premis yang mendapat kebenaran beroperasi dari MITI.
7. Syarat yang dinyatakan di para 5 dan 6 sepertimana di atas, adalah turut terpakai ke atas permohonan permit pengangkutan (K3).
8. Bagi Negeri dan Kawasan di bawah PKPD, pengeksport hendaklah mengemukakan gambar produk, *Invoice*, *Packing List* dan *Grading Summary* kepada Pejabat MTIB berhampiran, untuk tujuan kelulusan pemeriksaan fizikal.
9. Aktiviti pemeriksaan bersepadu dan pemeriksaan mengejut (*spot check*) oleh MTIB atau bersama PDRM terus dijalankan dari semasa ke semasa.

PERMIT IMPORT

10. Permit import akan dikeluarkan dengan syarat:
 - a) Dokumen lengkap dikemukakan melalui email ke pejabat MTIB yang berkenaan;
 - b) Konsignasi telah sampai di pelabuhan atau pintu masuk;
 - c) Konsignasi tertakluk kepada pemeriksaan fizikal dijalankan oleh MTIB.

Pemprosesan permit import ditangguhkan di Pejabat MTIB yang berada di bawah PKPD, melainkan mendapat kebenaran MOT.

PENDAFTARAN

11. Proses pendaftaran baharu adalah ditangguhkan.
12. Proses pembaharuan pendaftaran akan dilaksanakan bagi permohonan yang mendesak sahaja.
13. Bayaran pendaftaran hanya boleh dibuat menerusi online ke akaun Maybank MTIB, 514404801787, dan bukti pembayaran hendaklah dikemukakan secara emel. Pembayaran secara cek tidak akan diterima.

KAUNTER MTIB

14. Perkhidmatan kaunter tertakluk kepada urusan yang tidak boleh dilaksanakan secara atas talian, dan tidak terpakai bagi Negeri dan Kawasan di bawah PKPD.
15. Perkhidmatan kaunter MTIB menerusi **temujanji** sahaja, yang boleh ditentukan pada hari bekerja, mulai jam **9.00 pagi hingga 1.00 tengahari**. Sila hubungi Pejabat MTIB berdekatan untuk tujuan ini.
16. Sebarang pertanyaan atau aduan boleh menghubungi talian berikut, untuk urusan yang berkenaan:

PENDAFTARAN	Pn. Norpaezah Mohd Dahalan : 019-2153554 Pn. Sharifah Hasreena : 013-2409481 Pn. Syaidatul Nadia Hussin : 012-5572559 Pn. Nurul Faezah : 011-16379722
PERMIT EKSPORT & IMPORT	Pn. Shahira : 012-2614282 En. Ikhsan : 019-5469944
PEMERIKSAAN FIZIKAL	En. Azro Jusoh : 019-3226048 En. Hanapi : 019-3868552 En. Nordin : 013-3620607